

Generasi muda pemegang kunci kemerdekaan

TANGGAL 31 Ogos 1957, Persekutuan Tanah Melayu akhirnya bebas daripada cengkaman penjajah British. Bendera Union Jack yang berkibar megah sebelum ini di hadapan Bangunan Sultan Abdul Samad akhirnya diturunkan dan digantikan dengan bendera Tanah Melayu.

Tahun ini genaplah 49 tahun negara kita bebas daripada belenggu penjajah.

Namun ini bukanlah peluang kepada kita rakyat Malaysia untuk berhibur dan bersuka ria. Dalam tempoh sebulan perayaan kemerdekaan ini disambut, ia sepatutnya mampu menyedarkan golongan muda, terutamanya yang dilahirkan selepas era kemerdekaan, mengenai perit jerih kehidupan datuk dan nenek kita sebelum merdeka.

Perjuangan wira sebenar bangsa, insan-insan yang berkorban demi menuntut kemerdekaan negara wajarlah diingati dan dikenang sebaik-baiknya.

Memetik kata-kata Tun Dr. Mahathir Mohamad ketika melancarkan buku *Biografi Tokoh Pilihan Malaysia*, sebuah bangsa yang besar dan berdaulat adalah

bangsa yang menghargai jasa pahlawan mereka sama ada pahlawan tersebut berjuang menggunakan senjata atau; akal fikiran.

Nama-nama seperti Tunku Abdul Rahman, Dato' Onn Jaafar, John Thivy dan Tan Cheng Lock mungkin tidak asing kepada generasi muda, namun adakah mereka mengenali siapakah Ahmad Boestamam, Tongkat Warrant, Leong Yew Koh ataupun Kolonel Lee Hau-Shik?

Generasi muda mungkin boleh menceritakan mengenai sejarah penubuhan UMNO, MCA, MIC dan Parti Perikatan, tapi adakah mereka kenal apa itu Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dan penyokongkuat mereka, ASAS 50?

Negara Malaysia tidak mencapai kemerdekaan dengan cara yang mudah. Walaupun dilihat unik kerana kemerdekaan dicapai tanpa pertumpahan darah, namun perjalanan yang ditempuhi tetap berliku. Banyak yang terpaksa dilakukan. Antaranya menangani isu Parti Komunis Malaya atau Bintang Tiga dan isu kepelbagaian kaum di Malaysia.

Melihatkan generasi muda masa kini yang semakin khayal dengan pengaruh keduniaan atau hedonisme, wajar kita sebagai rakyat Malaysia berasa risau dan khuatir.

Gejala penyakit sosial yang semakin menular ke dalam jiwa masyarakat juga patut dibendung. Budaya mat motor, kaki lepak, pelacuran dan penagihan dadah dilihat semakin meruncing dari tahun ke tahun tanpa ada penyelesaian yang konkrit kepada masalah ini.

Saban hari kita mendengar laporan peningkatan kes-kes seperti penagihan dadah, penghidap HIV positif dan laporan jenayah di surat khabar dan berita.

Terkini, laporan yang dikeluarkan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (YPJM) menjelaskan satu kes ragut berlaku setiap jam dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini, peningkatan sebanyak 141 kes kepada 4766 kes berbanding 4625 kes bagi tempoh yang sama pada tahun lalu.

Semangat kemerdekaan tidak boleh diperoleh dengan hanya mengibarkan Jalur Gemilang di kereta ataupun ru-

mah. Semangat kemerdekaan ini hanya mampu dicapai apabila seseorang individu itu telah benar-benar mempunyai jati diri dan semangat nasionalisme di dalam sanubarinya.

Langkah sebuah stesen televisyen swasta menayangkan liku-liku negara ketika zaman pemerintahan Jepun dan komunis wajar dipuji. Langkah ini mungkin boleh menjadi pemangkin kepada pihak-pihak lain untuk turut sama menyemarakkan semangat kebangsaan ke dalam jiwa belia Malaysia masa kini.

Malaysia bakal menyambut perayaan jubli emas kemerdekaannya pada tahun hadapan. Diharapkan ada perubahan positif terhadap semangat cintakan negara di kalangan generasi muda agar Malaysia kekal sebagai sebuah negara yang harmoni di masa hadapan. Dengan melakukan sedikit modifikasi terhadap kata-kata pahlawan. Melayu Melaka Hang Tuah, "Takkan Malaysia hilang di dunia".

- MOHAMMAD FAHLULLAH OMAR
Bangi, Selangor.